

29 MAR 2001

FMM-KWSP

FMM CADANG POTONGAN 2 PERATUS DALAM KWSP

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) berkata kerajaan patut secara serentak memperuntukkan pengurangan sama dua peratus dalam caruman pekerja-pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menjana peningkatan lebih besar kepada KDNK sebenar.

FMM berkata pengurangan di dalam caruman pekerja kepada KWSP akan menghasilkan pengurangan langsung kepada upah dan menambah kekukuhan kewangan kepada industri bagi melaksanakan pelaburan dan pelaburan semula lebih besar bagi mengekalkan kelebihan persaingan.

"Aktiviti pelaburan dan pelaburan semula sebaliknya akan meransang aktiviti ekonomi yang lebih besar dan memperkukuhkan pertumbuhan.

"Hasilnya, ekonomi negara akan menerima galakan dua jurusan daripada penggunaan yang meningkat oleh para pekerja dan penggunaan pelaburan yang meningkat oleh para majikan," kata FMM.

Ia berkata demikian di dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini dalam reaksinya kepada langkah-langkah berjaga-jaga yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed Selasa lalu dan bersetuju dengan kerajaan kerana mengambil langkah berani untuk merangka langkah-langkah itu sebagai persediaan terhadap kemungkinan terjejas oleh kelembapan ekonomi AS ke atas ekonomi Malaysia.

Salah satu daripada langkah untuk mengelakkan kesan buruk kelembapan ekonomi di AS, adalah pengurangan dua peratus caruman KWSP daripada pekerja kepada 9.0 peratus daripada 11 peratus.

FMM, bagaimanapun berkata kesan positif langkah-langkah itu akan dinafikan oleh peningkatan kos dalam faktor-faktor pengeluaran.

Oleh itu, FMM mencadangkan agar kerajaan patut mengenakan moratorium ke atas semua peningkatan kos untuk memperkukuh langkah berjaga-jaga itu.

Sektor pembuatan dibebani dengan pelbagai kenaikan kos kebelakangan ini seperti kadar air, bayaran pengangkutan, harga minyak, harga gas asli dan bahan-bahan mentah diimport.

"Kesan-kesan positif pakej langkah berjaga-jaga itu akan dibendung dengan teruk oleh peningkatan belanja penyenggaraan dengan menyebabkan barangan kilang tempatan menjadi lebih mahal dan kurang menarik kepada para penmgguna," kata FMM.

FMM berkata moratorium dalam masa yang genting sekarang akan membantu sektor pembuatan keluar daripada kegawatan ekonomi yang diimport.

Ia merasakan bahawa moratorium itu juga akan memberi manfaat kepada pengguna-pengguna individu terutamanya berhubung dengan kadar elektrik, kadar tol, kadar taksiran, caruman tambahan kepada PERKESO dan premium insurans.

FMM memuji kerajaan kerana keputusannya untuk meneruskan dasar kewangannya yang terbuka dengan memastikan bahawa sektor swasta terus mempunyai kemudahan kepada dana-dana pada kos yang berpatutan.

Dengan daya kemudahan yang lebih besar untuk pembiayaan, sektor perkilangan boleh meningkatkan lagi produktiviti, kecekapan dan daya saing kos melalui pelaburan dalam menaik taraf jentera, kelengkapan dan teknologi maklumat dan komunikasi. -- BERNAMA

LES KTC OS